



Pengundi Muda Mangsa Politik Perkauman?

Oleh Wira Herman

Selepas pilihan raya umum (PRU) ke-13, keadaan di negara ini sepatutnya kembali tenang dan bebas daripada kemelut politik. Namun, apa-apa yang berlaku sekarang tidak seperti yang diharapkan. Ketika mengulas pencapaian sebenar Barisan Nasional (BN) dalam PRU ke-13, Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menyifatkan berlakunya "tsunami pengundi Cina" dan seterusnya membangkitkan cadangan untuk melaksanakan penyatuan nasional secara lebih berkesan bagi membendung politik perkauman yang berjaya diapi-apikan oleh pihak pembangkang.

Begitu pun, pandangan awam turut melihat penolakan BN di kawasan bandar sebenarnya bukan hanya sekadar disebabkan tsunami pengundi Cina, sebaliknya faktor penolakan pengundi bandar itu sendiri, terutamanya pengundi muda dan pengundi atas pagar. Golongan inilah yang banyak mengubah landskap politik negara sejak PRU ke-12 lalu, dan kini impaknya semakin ketara. Dalam hal ini, pembangkang dilihat cukup berjaya memanipulasi golongan berkenaan.

Lihat bagaimana pembangkang berjaya memenangi hati golongan muda di negara ini. Cuba perhatikan penghimpunan

Bersih 3.0 dan isu bantahan terhadap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Terbaharu Himpunan 505. Kumpulan manakah yang banyak mendominasi? Sudah tentulah orang muda. Oleh hal yang demikian jika diteliti, pihak yang boleh "menawan" orang-orang muda ini, mereka boleh memanipulasi segala peluang. Tidak dinafikan, jika ada isu-isu sensitif yang "dekat" dengan hati orang muda, golongan inilah yang akan bertindak turun ke jalan apabila diajak oleh pihak yang berkepentingan. Malangnya, jika manipulasi ini ke arah keburukan, maka buruk jugalah impaknya kepada masyarakat.

Jelas, trend pengundian PRU ke-13 sedikit sebanyak didominasi pengundi muda. Sebanyak 2.3 juta orang atau 21.69 peratus daripada keseluruhan 13 291 385 orang yang layak mengundi pada PRU ke-13 lalu adalah pemilih baharu, pengundi muda yang kali pertama mengundi. Daftar Pemilih yang diwartakan pada suku keempat tahun 2012 juga menyaksikan bahawa sebanyak 5, 564,131 orang pengundi atau hampir 42 peratus daripada jumlah tersebut ialah pengundi yang layak dan mereka ialah pengundi muda berusia di bawah 40 tahun.

Realitinya daripada keseluruhan Daftar Pemilih itu, graf pengundi muda menunjukkan peningkatan memberangsangkan.

Matlamat pembangkang amat jelas, iaitu mereka mahu rakyat terus berpolitik dan kerajaan terpaksa memberikan perhatian kepada pelbagai isu yang sengaja ditimbulkan supaya tumpuan kepada urusan dan tanggungjawab sebenar sebuah kerajaan dikesepikan.

Hal ini bermakna golongan muda di bawah 40 tahun yang layak mengundi semakin banyak jumlahnya. Apakah signifikannya? Adakah angka pengundi muda ini menjadi "tanda" penentu atau liabiliti kepada parti politik tertentu? Suka atau tidak, kerajaan perlu menerima hakikat berhubung kegagalan mendekati sebahagian generasi muda yang lebih cenderung menyokong pembangkang. Lantas, hal tersebut tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

Kecenderungan pengundi muda terhadap pembangkang memang membimbangkan, lebih-lebih lagi apabila keputusan pilihan raya baru-baru ini memperlihatkan kebanyakan kerusi di kawasan bandar contohnya di Pandan dan Seputeh terus dikuasai pembangkang dengan jumlah undi majoriti yang cukup tinggi, iaitu 51 552 undi (Seputeh) dan 26 729 undi (Pandan).

Menyedari akan hal ini, suara anak muda ini tidak boleh dipinggirkan kerana kuasa dan pengaruh mereka dalam politik negara mewakili jumlah yang bukan sedikit. Kebanyakan daripada mereka ini telah berjaya diserap dengan sentimen "ubah" atau tukar kerajaan sekarang. Malah, yang lebih membimbangkan sentimen perkauman yang cuba disemai pihak pembangkang kepada golongan ini sebagai satu usaha penolakan terhadap BN. Impaknya sudah tentu lebih dahsyat kepada masyarakat Cina yang secara total menolak BN.

Pembangkang mengambil kesempatan melalui pendekatan politik berbau perkauman untuk mengajak masyarakat menolak BN, ini termasuk isu lain, seperti penurunan harga minyak, penghapusan tol, pemansuhan bayaran PTPN yang walaupun pada hakikatnya taktik pembangkang tersebut semata-mata untuk mendapatkan sokongan golongan ini. Ternyata usaha tersebut berbaloi. Mereka berjaya menarik ramai golongan muda untuk menyokong pembangkang kerana isu tersebut dirasakan lebih dekat dengan mereka.

Dalam Perlembagaan tidak ada sepatah pun perkataan Cina dan India. Oleh sebab semasa merdeka dulu mereka yang datang ke negara ini telah diterima sebagai tetamu dan sebagai warganegara. **Ketika itu, mereka bersumpah taat setia dan menjunjung duli kepada raja dan di saat itu mereka tidak digelar sebagai orang Cina, orang India, sebaliknya mereka orang Malaysia.**

Padah permainan politik perkauman ini mula memuncak selepas PRU ke-13 apabila bekas hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Noor Abdullah dilabel rasis oleh pembangkang kerana pendirian beliau dalam perkara ini. Mohd Noor dikritik hebat oleh pihak pembangkang setelah mengeluarkan kenyataan yang dikatakan berbau perkauman ekoran keputusan PRU ke-13 pada 5 Mei lepas dalam satu forum bertajuk "Wacana Post-Mortem PRU-13: Bicara Kepimpinan dan Survival Ummah" anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Dalam kenyataannya, itu beliau menegakkan bahawa pengkhianatan orang Cina terhadap ikatan setia kawan orang Melayu adalah sesuatu perkara yang benar-benar berlaku. Menjawab tuduhan pembangkang yang mentafsirkan kenyataannya itu sebagai satu kenyataan yang rasis, Mohd. Noor dalam rancangan bual bicara *Helo Malaysia* terbitan Bernama/TV di saluran 502 Astro menjelaskan bahawa kenyataannya itu adalah berikutan tindakan pihak tertentu yang cuba menggugat keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Tambahnya lagi, sebagai satu bangsa Malaysia, satu negara, satu bahasa, berbilang agama, beraneka budaya, masing-masing mestilah berasa lega oleh kerana perlembagaan melindungi semua pihak tanpa mengira bangsa dan agama.

"Malangnya, orang politiklah yang memecahbelahkan masyarakat Malaysia ini kepada orang Melayu, orang Cina, orang India dan lain-lain padahal dalam perlembagaan tidak ada sepatah pun perkataan Cina dan India. Oleh sebab semasa merdeka dulu mereka yang datang ke negara ini telah diterima sebagai tetamu dan sebagai warganegara.

"Ketika itu, mereka bersumpah taat setia dan menjunjung duli kepada raja dan di saat itu mereka tidak digelar sebagai orang Cina, orang India, sebaliknya mereka orang Malaysia," katanya.

Dalam kenyataan balasnya lagi, Mohd. Noor turut menegaskan bahawa beliau melaukan mahu berjihad sebelum ini adalah untuk menyelamatkan rakyat Malaysia daripada terjerumus dalam kancuh pergaduhan sesama masyarakat.

Beliau berkata, persepsi banyak orang apabila menggunakan istilah jihad ialah berperang, begitu pun, transformasi daripada yang buruk kepada yang baik juga merupakan satu jihad.

"Saya sayang akan anak bangsa saya, anak cucu, keturunan saya, dan semua rakyat Malaysia, kita lihat negara kita aman, tidak ada bencana alam, namun yang saya takut ialah bencana buatan sendiri





dalam kalangan sesama kita.

Jadi, saya berjihad untuk menyelamatkan rakyat Malaysia daripada

terjerumus ke dalam kancha pergaduhan sesama kita, itu yang saya maksudkan jihad," katanya.

Mohd. Noor dalam kenyataannya jelas menunjukkan isu rasis dalam kalangan pengundi muda dan Cina sebenarnya bertitik tolak daripada "permainan" pihak tertentu untuk meraih sokongan pengundi. Pembangkang cukup bijak mengeksploitasi perkara ini. Sebab itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Muhammad dengan tegas menyatakan bahawa pembangkang menggunakan sentimen perkauman untuk menumbangkan BN.

Malangnya, BN yang cuba mengekalkan semangat setia kawan terhadap orang Cina dan India terkena tempasnya, UMNO dijadikan sasaran kononnya mengamalkan politik berbau perkauman. Pemimpin pembangkang menanam pemikiran ini dalam kalangan pengikut mereka melalui tindakan provokasi, protes dan demonstrasi. Penyokong yang taasub diajar untuk mendengar sebelah pihak saja. Orang muda tidak digalakkan berfikir rasional atau objektif.

Selain menyering pemimpin negara, khususnya dalam kalangan pemimpin UMNO dan BN, golongan yang terpedaya ini tanpa pertimbangan wajar bertindak menghina institusi, seperti Raja-raja Melayu, Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan sistem kehakiman.

Buktinya, seorang wanita di laman sosial, Facebook secara terbuka menghina Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Sementara itu, Presiden PERKASA, Datuk Ibrahim Ali dan Timbalannya, Datuk Zulkifli Noordin dianggap pelampau, atas pendirian mereka mempertahankan hak orang Melayu, kesucian Islam, dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Terkini, seorang guru wanita di Gelang Patah, Johor disiasat mengikut Akta Hasutan berikutan tindakannya mengeluarkan kenyataan berbau perkauman selain menghasut pelajar membenci kerajaan. Difahamkan, guru yang mengajar pelajar

Pemimpin pembangkang menanam pemikiran ini dalam kalangan pengikut mereka melalui tindakan provokasi, protes dan demonstrasi. Penyokong yang taasub diajar untuk mendengar sebelah pihak saja. Orang muda tidak digalakkan berfikir rasional atau objektif.

di tingkatan dua itu sering mengeluarkan kenyataan berunsur perkauman ketika mengajar. Situasi ini cukup membimbangkan kerana tindakan itu sudah pasti mampu mempengaruhi pemikiran anak-anak muda, apatah lagi hasutan itu datangnya daripada guru mereka. Anak-anak muda ini jugalah yang akan meningkat dewasa dan bakal memilih kerajaan kelak. Bayangkan, apakah kesan akibat hasutan guru berkenaan kepada mereka?

Lantaran itu, kerajaan yang ditunjangi BN ketika ini perlu mengambil langkah proaktif untuk mendekati orang muda yang tampaknya lebih propembangkang. Masih belum terlambat untuk mengubahnya. Pengaruh pengundi muda dalam perkembangan politik tanah air kini menjadi semakin penting. Senario politik semasa telah membangkitkan semangat dalam kalangan pengundi muda untuk turut serta dalam politik, sama ada kerana minat berpolitik atau mahu menjadikannya sebagai platform untuk menyatakan protes terhadap kerajaan atau isu tertentu.

Bagi mereka yang sememangnya meminati dunia politik, penyertaan mereka kerana ingin terlibat dalam soal penentuan dasar. Sebaliknya, bagi yang lebih radikal, politik menjadi gelanggang untuk menyatakan rasa tidak puas hati, mengadakan rusuhan dan demonstrasi.

Sehubungan dengan hal itu, amatlah penting untuk kerajaan mahupun agensi yang bertanggungjawab memainkan peranan untuk mendekati golongan muda ini bagi menggalakkan mereka daripada terus "ditipu" oleh pihak pembangkang. Pendekatan yang lebih segar dan menarik jiwa anak muda perlu dilakukan kerana golongan ini merupakan golongan yang sentiasa ingin mengetahui apakah yang berlaku.

Jika dilihat secara menyeluruh berdasarkan prestasi dan trend, isu rasis dan pengundi muda ini mampu ditangani BN dengan bijaksana. Hal ini dikatakan demikian kerana, apa-apa yang berlaku hanya membabitkan orang Cina dan segelintir orang Melayu yang termakan hasutan pihak pembangkang. Misalnya, di Sabah dan Sarawak, jelas sekali isu perkauman tidak wujud, masyarakat peribumi di kedua-dua buah negeri itu tampaknya masih setia dengan BN dan berpegang teguh dengan amalan setia kawan yang diterapkan oleh parti ini.

Begitu pun memang tidak dapat dinafikan, orang Melayu melihat keputusan PRU ke-13 dari sudut pemikiran dan kepentingan orang Melayu, manakala masyarakat Cina pula melihatnya dari sudut pandangan mereka.



Najib PM Semua Kaum

Dalam kekalutan pascapilihan raya ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau Perdana Menteri untuk semua kaum di negara ini. Maknanya, meskipun wujud pelbagai pendapat, pandangan, pergeseran, dan tohmahan, beliau tetap yakin bahawa akhirnya semua rakyat mengharapkan kedamaian dan hidup dalam suasana harmoni.

"Cinta saya terhadap negara kita tidak mampu saya jelaskan dengan kata-kata dan saya amat berbangga serta bersyukur dengan pencapaian Malaysia sehingga ini. Saya percaya, jika kita bekerjasama sebagai satu bangsa negara, insya-Allah kejayaan yang lebih besar lagi berada di dalam genggaman kita," kata Najib dalam entri beliau di Blog 1Malaysia.

Dalam entri bertajuk, "Terima Kasih Malaysia" itu, Perdana Menteri juga berjanji bahawa kerajaan BN akan berusaha bersungguh-sungguh menolak fahaman ekstrem dan perkauman yang tidak memanfaatkan negara.

"Selain itu, kami juga meneruskan usaha meningkatkan amalan konsep kesederhanaan atau wasatiyyah dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia," ujarnya.

Najib yang juga Pengerusi BN turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada pengundi serta semua pihak kerana memberikan kepercayaan kepada kepemimpinan BN untuk terus mentadbir negara.

"Saya ingat lagi kali pertama dipilih menjadi ahli Parlimen, kali pertama saya berucap di Parlimen dan kali pertama saya menjalankan tanggungjawab sebagai ketua jabatan kerajaan. Sepanjang empat tahun yang lalu, saya diberikan peluang pula berkhidmat untuk negara ini di peringkat tertinggi sebagai Perdana Menteri. Namun, pencapaian paling bererti

Saya percaya, jika kita bekerjasama sebagai satu bangsa negara, insya-Allah kejayaan yang lebih besar lagi berada di dalam genggaman kita,"

ketika saya diberikan mandat oleh rakyat menyempurnakan segala perancang dan pelaksanaan yang saya mulakan sejak empat tahun lalu," katanya.

Najib turut mengakui bahawa PRU 13 merupakan pilihan raya paling senyap dalam sejarah negara. Banyak pandangan dan hujah berbeza ditawarkan kepada rakyat, malah ada yang menyemarakkan semangat, namun tidak kurang juga menimbulkan kemarahan dan prasangka. Setelah tamatnya tempoh pilihan raya, Najib meminta semua pihak kembali ke arah kedamaian dan keharmonian demi Malaysia.

Kenyataan Perdana Menteri ini juga jelas menunjukkan adalah lebih wajar kerajaan ketika ini lebih fokus dalam

pentadbiran negara daripada terus berpolitik, sekalipun pihak pembangkang tampaknya terus mendesak dengan pelbagai inaian politik mereka. Matlamat pembangkang amat jelas, iaitu mereka mahu rakyat terus berpolitik dengan kerajaan terpaksa memberikan perhatian kepada pelbagai yang sengaja ditimbulkan supaya tumpuan kepada urusan dan tanggungjawab sebenar sebuah kerajaan diketepikan.

Di pihak BN pula, walaupun analisis awal menunjukkan mereka boleh memenangi PRU ke-13 dengan majoriti lebih besar jika pengundi Cina tidak beralih arah, realitinya ada sebahagian besar pengundi Melayu terutama di bandar dan pengundi muda khususnya yang mudah dipengaruhi turut mengundi pembangkang. Kemenangan tipis di Terengganu menunjukkan jumlah pengundi Cina amat kecil serta majoriti calon BN yang berkurangan di beberapa kawasan majoriti Melayu membuktikan perkara ini perlu diberikan perhatian lebih serius.

Kembalikan Keyakinan Rakyat

Banyak yang perlu dipelajari BN dalam melihat keputusan PRU ke-13. BN sewajarnya perlu mengkaji dan menganalisis dengan lebih mendalam pendekatan yang lebih terarah, bukan sahaja untuk mengembalikan semula keyakinan dan kepercayaan pengundi sedia ada kepada parti itu, tetapi lebih penting lagi ialah memastikan sokongan pengundi muda terus bertambah serta kekal. BN mempunyai masa yang "pendek" sebelum PRU ke-14 untuk membuat transformasi politik yang lebih komprehensif, malah radikal jika mahu terus relevan serta diterima seluruh masyarakat untuk tempoh lima tahun akan datang.

Dalam pada itu, BN juga perlu sedar antara faktor yang mempengaruhi sokongan pengundi muda dan Melayu di bandar ialah penggunaan internet secara meluas oleh pakatan pembangkang sejak PRU ke-12 untuk menyebarkan propaganda mereka. Kempen sebegini bergerak pantas dengan sokongan tentera siber mereka yang mengilhankan propaganda jahat terhadap BN. Usaha ini akhirnya berjaya melumpuhkan pengaruh BN dalam kalangan generasi mudah.

BN mungkin terlewat sedikit untuk menyedari kepentingan perang siber ini, namun hal ini tidak bermaksud BN sudah terlambat untuk mengetengahkan laman sosial untuk menawan hati pengundi muda.

BN mempunyai masa yang "pendek" sebelum PRU ke-14 untuk membuat transformasi politik yang lebih komprehensif, malah radikal jika mahu terus relevan serta diterima seluruh masyarakat untuk tempoh lima tahun akan datang.




Menurut Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Mohd Azizuddin Mohd Sani, keadaan ini jika tidak ditangani segera secara drastik oleh kerajaan, boleh

menggugat masa hadapan Malaysia kerana persaingan kini lebih bercorak antara kaum. Oleh itu, satu kaedah pengurusan hubungan kaum yang bijaksana perlu diadakan dan diamalkan untuk memberikan keyakinan kepada rakyat tentang hasrat dan wawasan negara ke arah kemakmuran politik, ekonomi dan sosial menjelang tahun 2020.

Sudah tiba masanya semua pihak kembali kepada politik permuafakatan yang memastikan kemakmuran masyarakat terdahulu. Pastinya, bagi politikus kita, politik ilmu perlu dijadikan pedoman dan amalan supaya mereka tidak terjebak dalam kehancuran politik yang berasaskan kebencian dan permusuhan.

Menurut Mohd Azizuddin, Allahyarham Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas pernah menjelaskan bahawa ilmu ialah ketibaan sesuatu makna, hasil daripada maklumat yang benar ke dalam diri seseorang. Maka, politik ilmu jelas merujuk kepada kebenaran politik yang dibawa oleh politikus yang berilmu dan bertanggungjawab ke arah kebaikan umum dalam masyarakat.

"Politikus negara harus menelusuri politik ilmu yang lebih rasional, berbudaya sivik dengan matlamat menegakkan kebaikan umum berbanding dengan kebaikan individu dan menitikberatkan kemuafakatan bersama demi menolak politik kebencian dan politik kebodohan. Pasca-PRU ke-13 seharusnya membentuk jati diri politikus bagi menghindari gejala 'bebalisme' seperti kelesuan berfikir, menolak budaya ilmiah dan tidak berinovasi," ujarnya. ■





Anak Muda

Oleh **Suria Janib**

Sebelum pilihan raya umum (PRU) ke-13 berlangsung, golongan pengundi muda menjadi taruhan sebagai penentu kemenangan PRU. Selepas PRU ke-13, lain pula ceritanya, golongan muda dianggap pencetus sentimen kebencian kepada kerajaan. Ke mana sahaja perhimpunan haram *Black 505*, di situlah mereka berhimpun menyatakan bantahan berhubung dengan dakwaan ketidaktelusan sistem pilihan raya yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 5 Mei lalu.

Walaupun dakwaan kehadiran pengundi muda seluas lautan dalam setiap siri perhimpunan haram, jumlah pengundi muda yang berdaftar tidaklah sebanyak itu. Mengikut rekod terkini SPR, pengundi muda yang dalam kategori lingkungan umur 21 hingga 39 tahun mencecah angka 5.6 juta orang. Dari segi perangkaan, pengundi yang berumur 21 hingga 29 tahun mencatatkan jumlah 2.3 juta orang. Jika secara mata kasar dan pengamatan secara amnya, golongan dalam kategori itu banyak dipengaruhi emosi.

Jika diperhatikan perhimpunan haram Bersih 3.0 dan isu bantahan terhadap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi

Nasional (PTPTN), golongan inilah yang paling banyak menyertainya. Bagi golongan kategori umur 30 hingga 39 tahun, jumlah terkini ialah 2.8 juta orang. Golongan ini sudah mencapai peringkat kematangan dan paling banyak yang menganggotai parti politik.

"Emosi orang muda sentiasa berubah-ubah, ditambah lagi dengan keadaan semasa dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), menyebabkan pemikiran mereka mudah dipengaruhi," demikian menurut Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr. Nidzam Sulaiman.

Menurutnya, orang muda sekarang lebih cenderung kepada politik baharu. Ketika era sebelum kemerdekaan negara, orang ramai lebih banyak bercakap tentang kemerdekaan, bangsa, bahasa, kaum, dan agama yang menunjukkan ideo perjuangan sesuatu kumpulan etnik. Namun, bermula pada hujung 1980-an, apabila kejatuhan rejim komunis, keruntuhan Tembok Besar Berlin, serta perkembangan TMK telah mengubah cara pemikiran orang ramai terhadap politik baharu.

"Daripada politik lama kepada yang baharu, dipandang sebagai kumpulan anak muda tidak lagi terlalu taasub terhadap sesuatu kelompok etnik secara cauvinis. Mereka mula bercakap

tentang isu global, seperti liberalisasi, ketelusan, masyarakat sivil, persamaan, kerajaan yang adil, antikorupsi, dan antipenyalahgunaan kuasa. Anak muda khususnya, melihat ini melangkaui sempadan etnik dan lebih cenderung menyuarakan sebarang perhimpunan haram tanpa menghiraukan etnik atau agama.

Impak politik baharu ini bukan berlegar di negara

"Emosi orang muda sentiasa berubah-ubah, ditambah lagi dengan keadaan semasa dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), menyebabkan pemikiran mereka mudah dipengaruhi."

— Profesor Madya Dr. Nidzam Sulaiman

Perkembangan politik Cina berlaku begitu mendadak disebabkan rasa kecewa terhadap parti Gerakan dan MCA. Bagi mereka, banyak keputusan pemerintah yang tidak memperjuangkan hak Melayu serta merugikan orang Cina, India dan lain-lain. Pada pandangan mereka, kedua-dua parti tersebut yang bersama dengan pemerintah seolah-olah 'tidak bekerja' untuk mereka. Kekecewaan tersebut akhirnya dibalas dengan menyokong DAP yang dilihat lebih membela nasib mereka.



bahkan masyarakat antarabangsa sudah menerima kesannya, seperti kejatuhan Presiden Filipina Ferdinand Marcos, Presiden Indonesia Suharto, Presiden Mesir Hosni Mubarak, Presiden Libya Muammar Gaddafi, dan Presiden Tunisia Zine El Abidine Ali.

"Mereka menuntut kebebasan, keadilan, dan memberantas penyalahgunaan kuasa. Kebetulan berlaku pertembungan antara TMK dengan isu global ini menyebabkan berlaku keadaan gelombang 'empangan pecah'," jelas Dr. Nidzam.

Jika dahulu, orang ramai bergantung pada media arus perdana, berbanding dengan sekarang pelbagai media dalam talian dan media sosial, seperti Facebook dan Twitter begitu pantas berkembang serta mudah diakses oleh semua orang dan lagi menghangatkan cara pemikiran mereka.

Pelbagai sumber maklumat yang mudah dicapai ini banyak menyentuh tentang isu hak asasi, kebebasan, malah sekiranya mereka ditahan pihak berkuasa disebabkan berhimpun secara haram, misalnya juga diberikan maklumat tentang cara membela diri ketika ditahan. Maklumat sebeginilah yang menyebabkan mereka bertambah berani untuk menuntut hak "keadilan" sehingga kadang-kadang mereka mempamerkan aksi berani secara berlebihan.

Kemudahan mencapai maklumat internet serta penyebaran maklumat menerusi blog peribadi secara pantas memberikan kelebihan kepada anak muda menggerakkan agenda kumpulan mereka.

Menurut Dr. Nidzam, ruang kebebasan yang terbuka luas ini memudahkan golongan muda melancarkan "perang saraf" secara tersembunyi. Tanpa perlu mendedahkan identiti yang sebenar dan tanpa perlu rasa takut, mereka boleh menghantar atau menyebarkan sebarang komentar atau bantahan berhubung dengan sesuatu isu.

Ruang kebebasan TMK yang amat luas ini agak sukar dikesan oleh pihak berkuasa. Impak TMK sudah tentu mengubah cara pemikiran anak muda, namun terdapat juga kumpulan muda yang masih mengamalkan corak politik tradisional, seperti kumpulan belia UMNO dan kumpulan gerakan pemuda kampung, tetapi jumlahnya semakin mengecil. Sudah tentu pemikiran anak muda berbeza daripada aliran perdana orang lama.

"Alasan orang lama, kerajaan yang ada sekarang tidak perlu ditukar kerana sudah menyediakan pelbagai kemudahan dan kemajuan negara. Kesusahan dan keperitan orang dahulu mendapatkan kemerdekaan tidak dirasai

anak muda sekarang yang lahir pada tahun 1980-an atau pada era pasca-13 Mei 1969. Bagi mereka, zaman sebelum mereka dan keperitan hidup hanya tinggal nostalgia. Sebaliknya, mereka kini menuntut hak kesamaan dan keadilan sistem pemerintahan. Mereka sebenarnya terpengaruh dengan mainan kata pemimpin tertentu yang berjuang atas nama keadilan dan ketelusan," jelasnya.

Tambahnya, gelombang generasi muda yang besar sekarang yang kononnya menuntut "hak" sehingga mencetuskan "empangan pecah" ini agak sukar dibendung yang memerlukan penyusunan agenda semula, seperti bidang pendidikan dengan menerapkan semangat cinta kepada negara, pembinaan bangsa, dan menghindari sentimen perkauman, serta tidak mudah dipengaruhi oleh sentimen luar yang boleh merapuhkan jati diri bangsa.

Berbeza daripada anak muda Cina, mereka mengambil kemudahan TMK sebagai kesempatan untuk bersatu suara politik secara berpadu. Pada tahun 1970-an dan 1980-an, kaum Cina dan India terbahagi kepada parti politik Persatuan Cina Malaysia (MCA), Kongres India Malaysia (MIC) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP). Namun, keadaan ini terus berubah sejak PRU ke-12 pada tahun 2008.

"Perkembangan politik Cina berlaku begitu mendadak disebabkan rasa kecewa terhadap parti Gerakan dan MCA. Bagi mereka, banyak keputusan pemerintah yang tidak memperjuangkan hak Melayu serta merugikan orang Cina, India dan lain-lain. Pada pandangan mereka, kedua-dua parti tersebut yang bersama dengan pemerintah seolah-olah 'tidak bekerja' untuk mereka. Kekecewaan tersebut akhirnya dibalas dengan menyokong DAP yang dilihat lebih membela nasib mereka," jelas Dr. Nidzam.

Sambungannya, mungkin cara MCA dan Gerakan dalam menangani beberapa isu yang berkaitan dengan masyarakat Cina lebih bersifat "senyap" berbanding dengan DAP yang lantang bersuara menerusi pidato retoriknya. Anak muda Cina melihat perjuangan sebenar DAP apabila berjaya menawan Pulau Pinang serta hampir berjaya menawan Perak dan menambah kerusi di Selangor. Jika sebelum PRU ke-12, mereka tidak yakin parti pembangkang mampu mengalahkan Barisan Nasional (BN), kini terbukti parti pembangkang

Rakyat dibenarkan mengkritik sesuatu badan atau suruhanjaya yang dilantik oleh Agong, tetapi tidak sesekali dibenarkan mempersendakan Agong kerana Agong milik mutlak orang Melayu.

mampu memberikan saingan yang sengit kepada BN. Oleh sebab itu pada PRU ke-13 yang lalu mereka bersatu hati memberikan kemenangan terhadap parti pembangkang.

Gelombang perubahan tersebut juga berlaku di Sarawak, terdapat beberapa bandar besar Sarawak, seperti Sibu dan Miri jatuh ke tangan DAP, melainkan di Sabah, DAP masih belum berjaya menembusi kubu kuat di sana. Politik Sabah dan Sarawak agak unik terutama pembinaan bangsanya. Semangat kenegerian kedua-dua negeri masih lagi kuat.

Dalam hal ini menurut Dr. Nidzam, UMNO masih menjadi harapan orang Melayu untuk meneruskan perjuangan biarpun anak muda lebih banyak beralih kepada parti pembangkang. Usaha menjatuhkan kerajaan yang sudah dipilih rakyat menerusi demonstrasi jalanan, tidak akan mengubah apa-apa. Tidak semua negara yang cuba digulingkan oleh rakyat menerusi sistem demonstrasi berjaya dilakukan, contohnya Syria hingga kini masih lagi bertahan.

"Saya tidak terfikir, negara kita berada pada tahap menjatuhkan kerajaan menerusi demonstrasi memandang negara ini masih lagi stabil ekonominya dan taraf hidup rakyatnya jauh lebih baik berbanding pada masa dahulu. Keadaan hidup rakyat kita juga jauh berbeza daripada Indonesia dan Filipina. Bagi saya, rakyat negara ini tidak akan menggadaikan maruahnya untuk menjatuhkan kerajaan dengan cara itu," katanya.

Mungkin alasan lebih logik boleh diterima, jika parti pembangkang "mengumpun" wakil rakyat BN untuk melompat parti. Itu pun agak sukar dilakukan untuk menjatuhkan kerajaan yang sedia ada. Namun, keadaan mungkin boleh berlaku sekiranya negara ini mengalami pengangguran yang teruk dan kemelesetan ekonomi sehingga rakyat mengalami kesempitan hidup.

"Jika kita lihat pensyarah Indonesia, mereka menaiki basikal dan bas berulang alik ke tempat kerja kerana gaji yang

diterima terlalu rendah berbanding dengan 'budak pejabat' di sini, kebanyakannya mempunyai kenderaan sendiri," jelasnya.

Dari sudut pemerintah pula katanya, walaupun berjaya mengekalkan kuasa, kedudukannya agak mencemaskan. Setiap gerak-geri dan tindakan mereka sentiasa diawasi oleh rakyat waima berada dalam keadaan hidup yang agak sedikit "mewah" atau anak pemimpin memiliki rumah yang "biasa-biasa" pun bakal dijadikan modal pilihan raya pada masa hadapan.

Emosi anak muda ada masanya semakin melampau-lampau dan seolah-olah hilang kewarasan terutama, apabila melibatkan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong. Tindakan individu ini yang menghina Agong memperlihatkan ketidakmatangan dan



masih mentah terhadap perjalanan politik negara. Kedudukan Agong dalam peribenggaan sebagai Ketua Negara perlu dihormati dan menjadi lambang penyatuan rakyat. Baginda mempunyai kedudukan yang terpelihara yang tidak boleh dicabar oleh sesiapa pun. Rakyat perlu tunduk, patuh, dan setia pada kedudukan Agong yang murni. Penghinaan terhadap kedudukan atau meragui kuasa Agong boleh dianggap tidak menghormati Agong dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Namun, demokrasi berperlimen di negara ini membenarkan rakyat mengkritik kepimpinan Perdana Menteri, menteri, parti politik, atau wakil rakyat. Kebebasan bersuara dan berpolitik masih mempunyai ruang di negara ini, tetapi masih ada batasannya hingga peringkat tidak dibenarkan mengkritik Agong. Rakyat dibenarkan mengkritik sesuatu badan atau suruhanjaya yang dilantik oleh Agong, tetapi tidak sesekali dibenarkan mempersendakan Agong kerana Agong milik orang Melayu.

"Dalam konteks mempengaruhi pemikiran dan mengembalikan semangat patriotik, dokongan bangsa terhadap anak muda, terdapat beberapa aspek yang perlu ditekan, iaitu menerusi sistem pendidikan dan media. Media tidak sepatutnya terlalu menyogokkan berita secara melampau-lampau sehingga menimbulkan kebencian rakyat. Media perlu memainkan peranan menanamkan semangat ke arah penyatuan bangsa. Media sosial agak sukar dikawal oleh kerajaan, tetapi apabila ada suara yang begitu sensitif yang mencabar Agong, perlu segera diambil tindakan oleh pihak berkuasa supaya menjadi pengajaran," jelas Dr. Nidzam.

"Bagi mengembalikan sokongan rakyat, pemimpin politik perlu menghindarkan diri daripada penyalahgunaan kuasa, tidak mengamalkan rasuah, dan lebih telus dalam pemerintahan. Walaupun mengambil masa yang agak lama, secara perlahan-lahan rakyat akan menerima perubahan ini. Hanya kesilapan yang kecil dilakukan oleh pemimpin, boleh menjadi wabak dan memberikan kesan yang berpanjangan. Segala yang berlaku pada pilihan raya lalu sepatutnya dijadikan teladan dan bermuhasabah supaya kesilapan yang berlaku tidak berulang lagi dalam tempoh lima tahun lagi," katanya. **BN**